A

NG AH NYA

lwn.

BUMIPUTRA-COMMERCE LEASING SDN BHD

B

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, PULAU PINANG
NURMALA SALIM PK
[KEBANKRAPAN NO: 29-345-2003]
16 JUN 2010

C D ***KEBANKRAPAN:*** *Ketua Pengarah Insolvensi - Kuasa-kuasa - Pembekuan wang caruman - Pembekuan wang caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) - Sama ada KPI berhak membekukan wang caruman si bankrap setelah wang dibayar keluar oleh KWSP kepada si bankrap - Sanksi - Sanksi kepada si bankrap untuk mengambil tindakan guaman - Sama ada hal budibicara KPI - Akta Kebankrapan 1967, ss. 24(4), 38(1)(a) - Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991, s. 51*

E F G H I Persoalan penting yang berbangkit di dalam rayuan di sini adalah sama ada Ketua Pengarah Insolvensi ('KPI') boleh di sisi undang-undang membekukan wang caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja ('KWSP') seseorang bankrap setelah wang tersebut dibayar keluar atau dikreditkan kepada si bankrap tersebut. Fakta menunjukkan bahawa ekoran persaraan perayu dari pekerjaannya pada tahun 2001, KWSP telah mendeposit wang caruman perayu berjumlah RM202,830.48 ke akaun Maybank perayu. Bagaimanapun, pada tahun 2004 perayu menjadi seorang bankrap, dan setakat 2008, wang caruman KWSP perayu dalam akaunnya ada berbaki sebanyak RM91,530.06. KPI berkata bahawa ia berhak kepada wang yang masih berbaki tersebut, dan dengan itu mengarahkan Maybank supaya membekukan wang tersebut. Merasa terkilan dengan pembekuan, perayu memohon sanksi di bawah s. 38(1) Akta Kebankrapan 1967 untuk mengambil tindakan guaman terhadap Maybank, namun permohonannya ditolak oleh KPI. Perayu memohon untuk mengenepikan keputusan KPI tersebut, namun permohonannya itu juga ditolak oleh Penolong Kanan Pendaftar ('PKP'), yang sekaligus melarang perayu dari mengeluarkan wang simpanannya itu. Perayu merayu dan, dengan bergantung kelihatannya kepada ungkapan "... nor shall the Official Assignee be entitled to or have any claim on any sum or amount" di dalam s. 51 Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991

('Akta'), berhujah bahawa arahan KPI untuk membekukan akaunnya adalah salah, oleh kerana s. 51 Akta tidak mengizinkan KPI untuk meletakhak ke atas wang caruman KWSP. KPI menghujah balas bahawa s. 51 Akta tidak terpakai kerana wang tersebut berada di akaun bank peribadi perayu dan bukannya di dalam akaun KWSP.

Diputuskan (menolak rayuan):

(1) Berdasarkan s. 51 Akta, jelas bahawa KPI tidak berhak atau tidak boleh menuntut apa-apa wang caruman KWSP. Namun, dalam kes di sini, perayu tidak lagi menjadi ahli KWSP sejak 4 Julai 2001 di mana wang tersebut telah dimasukkan ke dalam akaun peribadi perayu, menjadi hak milik mutlak perayu dan tidak lagi berada dalam simpanan KWSP. (perenggan 9)

(2) Menurut s. 24(4) Akta Kebankrapan 1967, apabila perayu menjadi bankrap segala hartanya "shall become divisible among his creditors" dan hendaklah terletakhak ke atas KPI. Ianya mengikut bahawa, dalam keadaan kes semasa, sejak Perintah Penghukuman dan Perintah Penerimaan dimasukkan terhadap perayu pada 15 Julai 2004, segala wang di dalam akaun perayu adalah terletakhak ke atas KPI. Walaupun wang tersebut asalnya wang caruman KWSP, wang itu sudah menjadi milik mutlak perayu dan berada dalam akaun perayu. Oleh itu, tindakan KPI mengarahkan Maybank Berhad membekukan akaun perayu adalah tepat. (perenggan 10, 11)

(3) Di bawah s. 38(1)(a) Akta Kebankrapan 1967, KPI berhak menggunakan kuasa budibicaranya untuk tidak memberi sanksi kepada perayu. Berdasarkan halkeadaan kes, mahkamah percaya KPI telah menimbangkan dan menggunakan budibicaranya untuk tidak memberi sanksi tersebut. (perenggan 12, 13)

Perundangan yang dirujuk:
Bankruptcy Act 1967, ss. 24(4), 38(1)(a)
Employees Provident Fund Act 1991, ss. 2, 51

Bagi pihak perayu - Hadir sendiri
Bagi pihak responden - Anthony Samy; T/n Aziz Anthony & Co

Dilaporkan oleh Wan Sharif Wan Ahmad

A

PENGHAKIMAN

Nurmala Salim PK:

[1] Melalui Lampiran E, perayu merayu terhadap keputusan Penolong Kanan Pendaftar yang telah menolak permohonan perayu untuk mengenepikan keputusan Ketua Pengarah Insolvensi yang menolak permohonan perayu untuk satu sanksi di bawah s. 38(1)(a) Akta Kebankrapan 1967. Perayu juga merayu terhadap keputusan Penolong Kanan Pendaftar yang telah tidak membenarkan perayu mengeluarkan wang simpanan dari akaun Maybank Berhad sebanyak RM91,530.06 setakat 31 Disember 2008 beserta dengan faedah.

[2] Saya telah memutuskan untuk menolak Lampiran E dengan kos. Alasan penolakan adalah seperti dinyatakan di bawah.

Latar Belakang

[3] Perayu telah bersara dari pekerjaannya. Pada 4 Julai 2001, pihak Kumpulan Wang Simpanan Pekerja telah membayar kepada perayu, wang carumannya berjumlah RM202,830.48 dan wang tersebut telah didepositkan ke dalam akaun perayu di Maybank Berhad. No akaun Maybank Berhad perayu adalah 307116000640.

[4] Pada 15 Julai 2004, perayu telah menjadi bankrap. Setakat 31 Disember 2008, wang di dalam akaun perayu adalah berjumlah RM91,530.06. Perayu ingin mengeluarkan wang tersebut tetapi akaunnya telah dibekukan setelah perayu dijadikan bankrap. Perayu percaya wang di dalam akaun tersebut adalah sebahagian dari wang caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja. Oleh itu Ketua Pengarah Insolvensi tidak berhak untuk mengarahkan Maybank Berhad membekukan akaun tersebut.

[5] Perayu menghujahkan menurut seksyen 51 Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991, Ketua Pengarah Insolvensi tidak diberi kebenaran untuk meletakhak ke atas wang caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja.

[6] Ketua Pengarah Insolvensi pula berhujah, s. 51 Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991 tidak terpakai di dalam kes ini oleh kerana wang tersebut berada di dalam akaun bank peribadi perayu dan bukannya di dalam akaun Kumpulan Wang Simpanan Pekerja.

[7] Isu yang perlu diputuskan oleh mahkamah ini adalah sama ada s. 51 Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991 terpakai bagi wang caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja yang telah dikeluarkan dan dimasukkan ke dalam akaun peribadi perayu.

[8] Seksyen 51 Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991 memperuntukkan seperti berikut:

> Notwithstanding anything to the contrary contained in any other written law:
>
> a) no sum deducted for the wages of a member of the Fund under section 48,
>
> b) no amount payable by the employer as his contribution, and
>
> c) no amount standing to the credit of a member of the Fund
>
> shall be assignable, transferable, liable to the attached, sequestered,
>
> levied upon, for, or in respect of , any debt on claim whatsoever, nor shall the Official Assignee be entitled to or have any claim on any sum or amount.

[9] Berdasarkan s. 51 Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991, adalah jelas Ketua Pengarah Insolvensi tidak berhak atau tidak boleh menuntut apa-apa wang caruman pencarum Kumpulan Wang Simpanan Pekerja. Di dalam kes ini, wang caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja telah dibayar oleh Kumpulan Wang Simpanan Pekerja kepada perayu pada 4 Julai 2001 apabila perayu bersara. Pada 4 Julai 2001, perayu tidak lagi menjadi ahli Kumpulan Wang Simpanan Pekerja seperti yang dimaksudkan di bawah s. 2 Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991. Wang tersebut telah dimasukkan ke dalam akaun peribadi perayu di Maybank Berhad. Wang tersebut tidak lagi terletak di dalam simpanan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja. Pada 4 Julai 2001 wang tersebut telah menjadi hakmilik mutlak perayu.

[10] Perintah Penghukuman dan Perintah Penerimaan telah dimasukkan terhadap perayu pada 15 Julai 2004. Dalam erti kata lain, perayu sudah menjadi bankrap pada tarikh tersebut. Menurut s. 24(4) Akta Kebankrapan 1967, apabila perayu menjadi bankrap segala hartanya "shall become divisible among his creditors" dan hendaklah terletakhak ke atas Ketua Pengarah Insolvensi.

A **[11]** Saya bersetuju dengan hujahan Ketua Pengarah Insolvensi bahawa dalam keadaan ini, wang dalam akaun Maybank Berhad perayu adalah terletakhak ke atas Ketua Pengarah Insolvensi. Walau pun wang tersebut asalnya dari wang caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja perayu, wang itu sudah menjadi hak milik
B mutlak perayu dan berada dalam akaun peribadi perayu. Oleh yang demikian tindakan Ketua Pengarah Insolvensi yang telah mengarahkan Maybank Berhad membekukan akaun perayu adalah tepat.

C **[12]** Mengenai isu sanksi, saya berpendapat di bawah s. 38(1)(a) Akta Kebankrapan 1967, Ketua Pengarah Insolvensi berhak menggunakan kuasa budibicaranya untuk tidak memberi sanksi kepada perayu bagi perayu mengambil tindakan ke atas Maybank Berhad yang telah membekukan akaunnya.

D **[13]** Berdasarkan hal keadaan kes ini, saya percaya Ketua Pengarah Insolvensi telah menimbangkan dan menggunakan kuasa budibicaranya untuk tidak memberi sanksi kepada perayu.

[14] Berdasarkan alasan-alasan seperti yang dinyatakan, Lampiran
E E ditolak dengan kos dan keputusan Penolong Kanan Pendaftar dikekalkan.

F

G

H

I